

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA

BIL. 3/2023

=====

PERWAKILAN KUASA MEREMIT ATAU MENGEQUALIKAN BAYARAN UKUR KEPADA PENTADBIR TANAH DAERAH BAGI URUSAN TANAH TERTENTU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan perwakilan kuasa meremit atau mengecualikan bayaran ukur daripada Pengarah Tanah dan Galian kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi urusan tanah tertentu.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Pentadbiran Tanah Negeri Melaka Bilangan 1 Tahun 2023 yang diadakan pada 12 Januari 2023, telah mencadangkan supaya kuasa untuk meremit atau mengecualikan bayaran ukur diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah sebagai satu inisiatif ke arah penambaan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui pengurangan tempoh masa urusan permohonan.

2.2 YB Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka melalui surat bertarikh 31 Mei 2023 berpandangan bahawa Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka tidak mempunyai halangan berhubung cadangan perwakilan kuasa oleh Pengarah Tanah dan Galian kepada Pentadbir Tanah Daerah di bawah seksyen 15(1)(g) Kanun Tanah Negara

1965 untuk meremit dan mengecualikan bayaran ukur bagi urusan tanah tertentu yang dikemukakan selaras dengan tujuan perwakilan kuasa tersebut iaitu untuk memudahkan tatacara pengeluaran Pelan Akui untuk tanah-tanah yang terlibat dengan projek Awam dan impak kepada orang awam. Cadangan ini juga dilihat sebagai satu inisiatif ke arah penambahbaikan penyampaian kepada rakyat.

- 2.3 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 30 Ogos 2023 dan disahkan pada 6 September 2023 bersetuju meluluskan Cadangan Perwakilan Kuasa Meremit atau Mengecualikan Bayaran Ukur kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi Urusan Tanah Tertentu.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meremit atau mengecualikan bayaran ukur adalah melibatkan :
 - 3.1.1 Urusan yang terlibat dengan skim atau projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk kegunaan awam;
 - 3.1.2 Urusan yang terlibat dengan penyerahan sebahagian tanah bermilik untuk kegunaan awam;
 - 3.1.3 Urusan yang terlibat dengan projek perumahan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau perbadanan yang diberi kuasa oleh undang-undang

persekutuan atau negeri dan diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai projek kos rendah.

3.2 Kuasa untuk meremit atau mengecualikan bayaran ukur adalah terhad untuk tanah-tanah yang berada dalam bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah berkenaan sahaja.

4. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan arahan ini **berkuatkuasa mulai Oktober 2023.**



(DATUK NORAINI BINTI TAWEL)

Pengarah Tanah dan Galian

Melaka

Tarikh 14 Nov 2023